

## **HUBUNGAN ANTARA GAYA ASUHAN IBU BAPA DENGAN PEMILIHAN KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI** (Relationship between Parenting Style and Career Selection Among University Students)

Noor Izzaty Ibrahim, Muhamad Ariff Ibrahim & Siti Fardaniah Abdul Aziz

### **ABSTRAK**

Gaya asuhan merupakan satu elemen penting di dalam membentuk keperibadian anak-anak yang mana ia juga mempengaruhi hala tuju seseorang individu itu dari segi pelbagai aspek dalam kehidupannya. Selain itu, konsep kendiri juga berkaitan dengan cara seseorang individu dalam memilih kerjaya. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 210 orang pelajar tahun satu daripada tiga buah fakulti di Universiti Putra Malaysia. Dua set Soal selidik telah digunakan iaitu soal selidik gaya asuhan yang diadaptasi daripada *Children Report of Parental Behavior Inventory* (CRPBI) dan soal selidik pemilihan kerjaya. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada hubungan di antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar ( $\chi^2=0.744$ ,  $k>0.05$ ). Walau bagaimanapun, kajian sebegini seharusnya terus dilakukan untuk mengkaji sejauh ibu bapa berperanan dalam perkembangan dan pertumbuhan anak-anak berdasarkan kepada gaya asuhan ibu bapa yang mempengaruhi pemilihan kerjaya mereka.

**Kata kunci:** Gaya Asuhan Ibu Bapa, Pemilihan Kerjaya, Pelajar, Universiti, Personaliti.

### **ABSTRACT**

Parenting style is an important element in a child's personality development which influences different aspects of life. In addition, the concept of self-development also involves the way an individual decides for career selection. This study was carried out to study the relationship between parenting style and career selection among university students. A total of 210 University Putra Malaysia students at year 1 from three faculties were involved in this study. Two sets of questionnaires were utilized involving Parenting Style questionnaire adapted from the Children Report of Parental Behavior Inventory (CRPBI) and a Career Selection questionnaire. Results showed no significant relationship between parenting style and career selection among University Putra Malaysia students ( $\chi^2=0.744$ ,  $k>0.05$ ). Nevertheless, this type of study should be continuously carried out to study the extent of parents' role in a child's development and growth based on the parenting style which would have an effect on career selection.

**Keywords:** parenting style, career selection, students, university, personality

### **PENGENALAN**

Setiap individu yang meningkat dewasa akan mencari pekerjaan atau kerjaya dan kebanyakan individu akan terus bekerja sehingga mahupun bekerja sepanjang hayat. Bahkan kerjaya

merupakan aktiviti utama dan kegiatan yang menentukan corak kehidupan seseorang individu. Walau bagaimanapun, pemilihan kerjaya dalam kehidupan seseorang individu akan menentukan kepuasan seseorang individu tersebut dalam bidang kerjaya yang diceburinya. Bahkan dalam kehidupan manusia sehari-hari kadang kala memerlukan seseorang individu untuk melalui pelbagai pilihan, mahu atau tidak mereka harus membuat pilihan tersebut (Ismail Hashim 2005). Pilihan tersebut mungkin merupakan pilihan yang tepat namun ada juga yang tersalah membuat pilihan. Begitu juga dengan halnya dalam pemilihan kerjaya. Setiap individu pada semua peringkat umur sudah semestinya mempunyai pemikiran serta cita-cita terhadap sesuatu bidang kerjaya yang diingininya. Lantaran itu, mereka juga perlu melalui proses memilih. Namun, mana mungkin mereka mampu memiliki kesemua kerjaya yang diingini. Keputusan yang dibuat dalam memilih kerjaya bukan sahaja dapat menentukan jenis pekerjaan tetapi ia menjadi titik permulaan bagi seseorang individu dalam mencapai cita-cita (Asnul Dahir Minghat & Noor Zalilah Mansor 2010).

Menurut Super (1957) seseorang individu akan mengimplementasikan konsep kendiri dengan memilih bidang pekerjaan yang dapat mengekspresikan dirinya. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa setiap individu akan sedaya upaya berusaha untuk memilih bidang pekerjaan yang membolehkannya mengekspresi segala ciri-ciri yang ada pada dirinya dari aspek minat, nilai dan juga personalitinya. Hakikatnya pekerjaan yang diceburi menggambarkan gaya asuhan yang diterima dan personaliti seseorang individu. Bahkan Super (1990) menyatakan kepuasan kerja dan kepuasan hidup bergantung kepada sejauh mana seseorang individu itu mendapat laluan untuk menyalurkan kebolehan, minat, personaliti serta nilai yang dipegang dan ianya bergantung sejauh mana seseorang individu memilih perkerjaan serta corak hidup yang sepadan dengan diri individu berkenaan.

Manakala, gaya asuhan ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam menentukan kestabilan, ketenteraman dan kebahagiaan keluarga. Gaya asuhan ibu bapa juga menentukan cara mereka membesarakan anak-anak dalam suasana bahagia, gembira, sihat, mempunyai emosi yang stabil dan keupayaan bergaul serta berhubungan dengan orang lain. Ibu bapa dipertanggungjawabkan untuk menjaga, mengasuh, mendidik serta memberi segala hak anak-anak supaya mereka dapat berfungsi seperti mana yang ibu bapa inginkan. Amanah tersebut haruslah dilaksanakan dengan sempurna bagi memastikan jiwa anak-anak ini dapat berkembang dengan baik sehingga mereka dewasa. Ibu bapa juga yang menjadi agen sosiialisasi anak-anak yang pertama dan utama dalam dunia pendidikan anak-anak dan lantaran itu pemilihan kerjaya seseorang anak ada hubungannya dengan gaya asuhan ibu bapa yang diterima oleh mereka ketika mereka kecil sehingga ke peringkat yang mana mereka sudah mampu untuk membuat keputusan sendiri terhadap diri mereka. Namun demikian, tidak dapat dinafikan gaya asuhan ibu bapa ini sedikit sebanyak mempengaruhi tingkah laku serta perjalanan kehidupan anak-anak. Menurut Anne Roe dan Sigelman (1964) antara salah satu faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang individu ialah pengaruh tenaga psikik yang terbentuk dalam diri individu secara tidak sedar pada peringkat kanak-kanak yang dipengaruhi oleh bentuk kepuasan dan kekecewaan yang dialami oleh individu pada zaman kanak-kanaknya. Kepuasan dan kekecewaan ini terbentuk daripada persekitaran yang diwujudkan oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut (Mohd Rizuan Abdullah 2013). Mohd Nasir Ripin et. al (2010) pula mengatakan bahawa dorongan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap pemilihan kerjaya anak-anak mereka. Pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti dan persekitaran menjadi kayu ukur untuk memastikan seseorang individu mempunyai kepuasan dalam pekerjaan mereka kelak.

Jika kita melihat pada fenomena yang berlaku di negara Malaysia kini, ramai graduan daripada universiti awam dan swasta tidak mendapat pekerjaan dan menganggur. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini iaitu graduan itu sendiri tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk mencari pekerjaan dan mungkin tidak diberikan pendedahan yang secukupnya untuk mengisi ruang dalam pelbagai sektor pekerjaan. Hal ini membuatkan graduan-graduan ini buntu untuk memulakan kerjaya mereka. Perkara ini dapat dibuktikan lagi dengan kadar statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2012 yang dipetik daripada Utusan Melayu edisi Mei menunjukkan bahawa jumlah siswazah yang menganggur di negara ini adalah seramai 76,200 orang berikutnya tidak mempunyai kemahiran untuk mencari pekerjaan. Bukan itu sahaja, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan (2012) menyatakan bahawa hasil kajian ke atas 1994 orang responden menunjukkan bahawa 77.14 % mengakui memerlukan bimbingan untuk kemahiran mencari kerja. Sumber ini merupakan hasil kajian yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja menerusi portal *Jobstreet* Malaysia. Berdasarkan hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa pemilihan kerjaya merupakan isu yang harus dititik beratkan dalam diri individu kerana pekerjaan merupakan sumber untuk memenuhi keperluan dan menggerakkan kehidupan. Faktor pemilihan kerjaya ini haruslah dilakukan dengan bijak kerana ia akan membantu menentukan bidang kerjaya mana yang lebih utama serta hal ini akan memberi implikasi besar terhadap cara hidup seseorang individu.

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa ibu bapa merupakan individu yang banyak memainkan peranan penting dalam kehidupan anak-anak. Hal ini demikian kerana, hasil layanan dan gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak yang akan membentuk personaliti mereka dan seterusnya mencorak cara hidup serta cara mereka membuat keputusan pada masa hadapan (Noraini Mohd Nor 2001). Oleh itu, dalam kajian ini, teori yang dikemukakan oleh Anne Roe (1957) menjadi asas kepada kajian ini iaitu teori pemilihan kerjaya Anne Roe (1957) yang melibatkan gaya asuhan yang dikemukakan oleh Anne Roe (1957) serta perkaitannya dengan orientasi pekerjaan seseorang individu. Anne Roe (1957) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara gaya asuhan dengan orientasi pekerjaan iaitu sama ada seseorang itu memilih pekerjaan yang berorientasikan manusia atau memilih pekerjaan yang tidak berorientasikan manusia.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Setiap individu itu adalah unik dan menerima gaya asuhan yang berbeza. Pengaruh daripada gaya asuhan ibu bapa seseorang individu dapat menggambarkan minat dan kecenderungan individu terhadap sesuatu perkara terutamanya jika ia melibatkan masa depannya seperti pemilihan program pengajian yang sudah tentu berkaitan dengan penentuan bidang kerjaya seseorang (Ismail Hashim 2005 & Noraini Mohd Nor 2001). Ini kerana setiap individu mencari persekitaran yang sesuai dengan ciri-ciri gaya asuhan ibu bapa yang diterimanya bagi menunjukkan kebolehan dan kemahiran serta berpeluang untuk menampilkan kecemerlangan dirinya dalam persekitaran tersebut (Amla Saleh *et al.*, 2006). Ringkasnya di sini, pemilihan program pengajian atau bidang kerjaya yang bersesuaian selaras dengan gaya asuhan ibu bapa dan personaliti adalah penting dalam menentukan masa depan individu.

Berpandukan kepada teori Anne Roe (1957) yang mengemukakan hipotesis teori pemilihan kerjaya Roe cuba menghubungkaitkan gaya asuhan dengan pembentukan orientasi dan seterusnya pemilihan pekerjaan. Antara hipotesis berkenaan ialah ibu bapa yang bersifat melindungi, menuntut dan pengasih akan menghasilkan anak-anak yang berkecenderungan ke arah berorientasikan manusia dan begitu juga dengan pemilihan kerjaya. Selain itu, ibu bapa yang

menolak, mengabai dan bersahaja pula menghasilkan anak-anak yang berkecenderungan ke arah tidak berorientasikan manusia dan begitu juga dengan pemilihan kerjaya. Manakala, anak-anak yang terlampau dituntut dan terlampau dilindungi berkemungkinan berada dalam keadaan helah bela diri dan menjadi tidak berorientasikan manusia. Bahkan, sesetengah individu daripada ibu bapanya jenis menolak iaitu mengabai dan mengelak cenderung memilih kerjaya yang berorientasikan manusia dalam usaha mencari kepuasaan. Layanan dan asuhan yang mencukupi kepada anak-anak daripada ibu bapa yang pengasih dan bersahaja di samping faktor lain seperti kebolehan individu mungkin menjadikan keperluan hubungan interpersonal lebih daripada keperluan peribadi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka aspek gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar tahun satu Universiti Putra Malaysia yang melibatkan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan, dan Fakulti Pengajian Pendidikan untuk melihat hubungan antara gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya yang melibatkan bidang yang menjurus kepada berorientasikan manusia dan bidang yang menjurus kepada tidak berorientasikan manusia. Oleh itu, pelajar yang berada dalam bidang alam sekitar dan perhutanan merupakan pelajar yang berada dalam bidang yang bukan berorientasikan manusia dan berdasarkan kepada teori yang dikemukakan oleh Anne Roe (1957) pelajar ini datang daripada keluarga yang mengalami suasana hidup yang dingin dan tidak dipedulikan dengan keperluan-keperluan emosinya tidak dipenuhi dengan secukupnya. Manakala, pelajar yang berada dalam bidang pendidikan merupakan pelajar yang berada dalam bidang yang menjurus kepada bidang yang berorientasikan manusia yang selalunya datang daripada keluarga yang mesra dan penuh kasih sayang serta diterima oleh kedua-dua ibu bapanya (Sidek Mohd Noah, 2002).

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Kajian Mengenai Gaya Asuhan**

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Nasir Ripin dan Ana Farina Abdul Fatah (2010) menyatakan bahawa dorongan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap pemilihan kerjaya mereka. Dapatkan kajian yang dijalankan ini telah menunjukkan bahawa wujud pengaruh yang tinggi yang mana kajian dilakukannya itu mendapat dorongan dan didikan ibu bapa menunjukkan min yang paling tinggi iaitu sebanyak 3.18. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa wujud pengaruh ibu bapa dalam pemilihan kerjaya anak-anak hasil didikan yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak sejak dari kecil hingga ke dewasa.

Manakala, Yahya Buntat dan Khodijah Hassan (2010) telah menjalankan kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan untuk menceburi bidang kerjaya profesion perguruan. Antara faktor-faktor yang dikaji ialah faktor minat, faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan juga faktor ganjaran. Kajian tersebut berbentuk deskriptif yang mana sampel kajian melibatkan pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera dan Kemahiran Hidup) yang berjumlah seramai 136 orang. Instrumen kajian adalah menggunakan soal selidik yang terdiri daripada bahagian A dan bahagian B iaitu demografi responden serta soal selidik faktor – faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya yang dibina sendiri oleh pengkaji. Data yang telah diperolehi di analisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for The Social Science*). Hasil kajian tersebut mendapat bahawa faktor minat dan faktor ganjaran telah mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya sebagai profesion perguruan. Manakala,

bagi faktor keluarga merupakan faktor yang sederhana dalam pengaruhnya terhadap pemilihan kerjaya sebagai profesi perguruan.

### **Kajian Mengenai Pemilihan Kerjaya**

Faizah Abdul Ghani dan Mohd Kamil Mat Deris (2010) telah menjalankan kajian ke atas pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan mengenai padanan profil pelajar dengan bidang pengajian yang diikuti di Universiti Teknologi Mara. Kajian tersebut telah melibatkan populasi seramai 132 orang manakala sampel kajian seramai 99 orang responden yang telah dipilih melalui persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan soal selidik yang mana bahagian A adalah mengenai latar belakang responden manakala bahagian B pula adalah berpusat kepada trait personaliti berdasarkan teori Holland yang mempunyai nilai *Croanbach alpha* 0.85 hingga 0.97. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa 61.6 peratus responden kajian mempunyai padanan yang baik dan hampir mempunyai padanan yang sama dengan guru kemahiran berdasarkan *The Occupation Finder* (Holland, 1989). Dapatan kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa wujud pengaruh yang tinggi antara tret personaliti dengan pemilihan kerjaya yang sepadan dalam kalangan pelajar.

Manakala Faizah Abdul Ghani dan Nina Raynelda Ahmad (2011) telah mengkaji tret personaliti dan pemilihan kerjaya dalam bidang perguruan dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan UTM. Kajian ini menggunakan reka bentuk kolerasi berdasarkan kepada Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973) yang menyatakan tentang darjah kekongruenan personaliti. Kajian tersebut melibatkan 76 orang pelajar daripada pelajar tahun satu, dua dan empat dengan menggunakan persampelan rawak berstrata. Alat kajian *Self-DirectedSearch (SDS)-From Easy* telah digunakan bagi melihat tret personaliti responden. Manakala Indeks Kongruen Iachan pula digunakan bagi mendapatkan darjah kekongruenan personaliti dan soal selidik pemilihan kerjaya digunakan bagi melihat faktor pemilihan kerjaya responden kajian. Data-data yang diperolehi kemudian dianalisis dengan menggunakan perisian '*Statistical Packages for Social Sciences*' (*SPSS*) *V16.0*. Analisis data deskriptif yang diperolehi menunjukkan bahawa faktor utama dalam pemilihan kerjaya responden adalah faktor persekitaran. Analisis inferensi korelasi *Pearson* digunakan untuk melihat hubungan di antara darjah kongruen tret personaliti responden dengan faktor pemilihan kerjaya responden. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara darjah kongruen tret personaliti dengan faktor ganjaran. Manakala, tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara darjah kongruen tret personaliti dengan faktor minat, keluarga dan persekitaran.

### **Kajian Mengenai Hubungan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Kerjaya**

Norani-Allain Norjahim (2012) telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan statistik korelasi. Seramai 170 orang pelajar tingkatan empat terlibat dalam kajian ini dipilih menggunakan persampelan rawak mudah. Manakala, jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah *Children's Report of Parental Behaviour Inventory (CRPBI)* oleh Schulderman & Schluderman (1970). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa yang mesra dan dingin sama sekali tiada hubungan dengan pemilihan kerjaya pelajar, hanya gaya asuhan ibu bapa menumpu sahaja yang mempunyai hubungan dengan pemilihan kerjaya yang berorientasikan manusia.

Noor Haidah Yaakob (2000) juga telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya berpandukan Teori Pemilihan Kerjaya Anne Roe (1957) dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia. Kajian tersebut melibatkan populasi pelajar seramai 1022 orang pelajar dan sampel seramai 285 orang yang dipilih secara rawak berlapis. Kajian ini menggunakan set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A merangkumi maklumat responden, bahagian B mengukur gaya asuhan ibu bapa menggunakan *Parental Behaviour Inventory (PBI)* dan bahagian C mengukur pemilihan kerjaya menggunakan Soal Selidik Orientasi Manusia Pekerjaan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan ujian Khi Kuasa Dua dengan aras keyakinan ditetapkan pada 0.5. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya. Cenkseven-Onder, Kirdok & Isik (2010) pula telah menjalankan kajian tentang pengaruh gaya asuhan dengan tahap kebergantungan terhadap ibu bapa dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini melibatkan 382 orang pelajar yang terdiri daripada 200 orang pelajar perempuan dan 182 orang pelajar lelaki. Kajian ini menggunakan *Career Decision Inventory, The Parenting Style Inventory* dan *The Inventory of Parent Attachment Level*. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan ANOVA satu hala. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang menerima gaya asuhan autoritatif dan authoritarian lebih tegas dalam membuat keputusan berbanding dengan pelajar yang menerima gaya asuhan menumpu dan terabai. Daripada aspek perhubungan pula, pelajar yang mempunyai kebergantungan yang sederhana dengan ibu bapa lebih tegas dalam membuat keputusan berbanding dengan pelajar yang mempunyai kebergantungan yang tinggi dan rendah.

Seterusnya, kajian oleh Ologun (2001) yang bertajuk “*Parent – Child Relationship and Vocational Choice of Fresh Undergraduates of University of Ilorin: a Test of Roe’s Hypothesis*” melibatkan pelajar warga Nigeria. Pengkaji mengkaji pengaruh jantina dan gaya asuhan mesra dan dingin terhadap pengaruh pemilihan bidang vokasional pelajar tahun satu di Universiti Ilorin. Kajian tersebut melibatkan 378 orang responden yang dipilih daripada lapan buah fakulti yang dipilih secara berstrata. Kajian tersebut juga melibatkan penggunaan dua instrumen iaitu *Roe’s Occupational Classification Scheme (ROCS)* dan *Parental Acceptance – Rejection Questionnaire* versi dewasa. Data yang diperolehi dikumpul dan dianalisis menggunakan ujian Khi Kuasa Dua, ANOVA, dan DMRT. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud pengaruh antara jantina dan gaya asuhan ibu bapa terhadap pemilihan kerjaya pelajar. Bahkan kajian ini separa menyokong teori pemilihan kerjaya Anne Roe (1957) mengenai pekerjaan yang berorientasikan manusia dan pekerjaan yang tidak berorientasikan manusia.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk memperolehi data berkaitan dengan gaya asuhan ibu bapa dan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar tahun pertama Universiti Putra Malaysia. Kajian ini dijalankan di Universiti Putra Malaysia yang melibatkan pelajar tahun satu daripada tiga buah fakulti iaitu Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Pengajian Alam Sekitar. Pemilihan tempat kajian ini berdasarkan fakta bahawa lokasi berkenaan akan memenuhi keperluan dan kehendak kajian yang mana pengkaji ingin memfokuskan kepada pelajar-pelajar dalam bidang pengajian yang berorientasikan manusia serta bidang pengajian yang bukan berorientasikan manusia. Pelajar daripada Fakulti Pengajian Pendidikan mewakili bidang pengajian yang berorientasikan manusia manakala Pengajian Alam Sekitar dan Fakulti Perhutanan mewakili bidang pengajian yang bukan berorientasikan manusia. Oleh itu, kepada pemilihan

pelajar yang berada di ketiga-tiga fakulti ini dapat mencapai objektif kajian ini iaitu ingin menentukan hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar tahun satu di Universiti Putra Malaysia.

### **Subjek Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi tahun satu daripada tiga buah fakulti yang mewakili pelajar tahun satu Universiti Putra Malaysia. Seramai 210 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini dipilih menggunakan teknik persampelan rawak berstrata.

### **Alat Kajian**

Dalam kajian ini dua set soal selidik digunakan iaitu bahagian A meliputi gaya asuhan ibu bapa dan bahagian B adalah pemilihan kerjaya.

#### **Bahagian A: Gaya Asuhan Ibu Bapa**

Bahagian A ini mengandungi soalan berkaitan dengan corak gaya asuhan ibu bapa yang diperolehi daripada responden. Gaya asuhan yang diukur dalam kajian ini menggunakan *Children Report of Parental Behavior Inventory* (CRPBI) oleh Schluderman & Schluderman (1970) untuk menentukan bentuk gaya asuhan ibu bapa iaitu “mesra”, “dingin” dan “menumpu”. Kebolehpercayaan Alpha Cronbach untuk item-item yang mengukur gaya asuhan ibu bapa ini ialah 0.74. Sikap ibu bapa diukur serentak dalam kajian ini yang mengandaikan bahawa wujud kerjasama di antara ibu dan bapa bagi gaya asuhan yang diberikan kepada anak-anak. Soal selidik ini mengandungi 10 item bagi gaya asuhan “mesra”, 10 item bagi gaya asuhan “dingin” dan 10 item gaya asuhan bercorak “menumpu”.

#### **Bahagian B: Pemilihan Kerjaya**

Bahagian B adalah berkaitan dengan minat responden terhadap pemilihan kerjaya. Pemilihan kerjaya di sini adalah berkaitan dengan pekerjaan yang berorientasikan manusia dan yang bukan berorientasikan manusia berdasarkan klasifikasi pekerjaan (Anne Roe & Siegelman 1964). Item-item ini adalah untuk mengukur pemilihan kerjaya iaitu 10 item untuk mengukur pekerjaan yang berorientasikan manusia dan 10 item untuk mengukur pekerjaan yang tidak berorientasikan manusia. Nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik ini ialah 0.78.

### **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya yang signifikan dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia mengikut. Hasil dapatan kajian dijelaskan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

Jadual 1: Hubungan gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya

Gaya Asuhan	Berorientasikan Manusia	Jumlah Responden	Tidak Berorientasikan Manusia	Jumlah Responden	Peratus (%)
Mesra	58.1	104	41.9	75	100
Dingin	33.3	1	66.7	2	100
Menumpu	57.1	16	42.9	12	100

Jadual 2: Nilai Signifikan hubungan gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya

Khi square	X <sup>2</sup>	df	p
	.744	2	.689

Jadual 1 merupakan hasil analisis Khi Kuasa Dua yang jelas menunjukkan bahawa dalam kalangan pelajar tahun satu, Universiti Putra Malaysia, seramai 104 orang pelajar (58.1%) mempunyai gaya asuhan mesra dan pemilihan kerjaya yang berorientasikan manusia manakala seramai 75 orang pelajar (41.9%) mempunyai gaya asuhan mesra dan pemilihan kerjaya yang bukan berorientasikan manusia. Seramai 1 orang pelajar (33.3%) mempunyai gaya asuhan dingin dan pemilihan kerjaya yang berorientasikan manusia dan seramai 2 orang pelajar (66.7%) mempunyai gaya asuhan dingin dan pemilihan kerjaya yang bukan berorientasikan manusia. Manakala, seramai 16 orang pelajar (57.1%) mempunyai gaya asuhan menumpu dan pemilihan kerjaya yang berorientasikan manusia dan seramai 12 orang pelajar (42.9%) mempunyai gaya asuhan menumpu dan pemilihan kerjaya yang bukan berorientasikan manusia.

Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian Khi Kuasa Dua [ $\chi^2(2) = .689$ ,  $k > .05$ ]. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar tahun satu, Universiti Putra Malaysia yang mana nilai signifikan ( $k$ ) adalah .689 iaitu lebih besar daripada aras kesignifikanan 0.05. Hasil daripada keputusan ujian ini bolehlah disimpulkan bahawa tiada hubungan yang signifikan di antara gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya, dalam kalangan pelajar tahun satu, Universiti Putra Malaysia.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar tahun satu, Universiti Putra Malaysia. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak konsisten dengan dapatan kajian-kajian lepas. Oleh

itu, hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh kaunselor dan ibu bapa dengan memahami impak gaya asuhan terhadap pemilihan kerjaya pelajar pada masa akan datang.

Kajian-kajian lepas sebagaimana yang dijalankan oleh Asnul Dahir Minghat et al. (2010) mendapati bahawa pengaruh ibu bapa berada pada tahap yang rendah dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya anak-anak mereka. Manakala, Mohd Ripin dan Ana Farina Abdul Fatah (2010) pula menyatakan bahawa didikan ibu bapa memberikan kesan yang besar dalam pemilihan kerjaya anak-anak. Bahkan, hasil kajian luar negara yang dijalankan oleh Ologun (2001) yang menguji teori Anne Roe (1957) telah menyokong teori pemilihan kerjaya Anne Roe (1957) yang melibatkan pemilihan kerjaya berorientasikan manusia dan juga bukan berorientasikan manusia. Seterusnya berpandukan kepada teori Anne Roe (1957) yang melihat hubungan antara gaya asuhan dengan orientasi pekerjaan menyatakan bahawa ibu bapa yang mempunyai gaya asuhan menumpu akan cenderung ke arah berorientasikan manusia dan seterusnya memilih bidang yang berorientasikan manusia. Sebaliknya ibu bapa yang berorientasikan bukan manusia berada di dalam helah bela diri yang menjadikan anak-anak untuk memilih bidang yang bukan berorientasikan manusia. Bahkan, ibu bapa yang mempunyai gaya asuhan dingin akan menghasilkan anak-anak yang berkecenderungan ke arah tidak berorientasikan manusia dan memilih bidang yang tidak berorientasikan manusia. Manakala, ibu bapa yang mempunyai gaya asuhan mesra lebih cenderung untuk menghasilkan anak-anak yang berorientasikan manusia.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan tiada hubungan antara gaya asuhan dengan orientasi pekerjaan. Namun, menurut Anne Roe dan Sigelman (1964) beberapa faktor turut mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang individu seperti latar belakang genetik, pengaruh tenaga psikik dan juga keperluan peribadi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa di Malaysia, khususnya dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Putra Malaysia, gaya asuhan ibu bapa tidak mempengaruhi pemilihan kerjaya individu. Namun, hasil kajian ini terhad kepada beberapa pelajar di beberapa buah fakulti di Universiti Putra Malaysia. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang terlibat perlu mencari langkah-langkah lain yang sesuai untuk memperkembangkan potensi pelajar terhadap pelbagai bidang dalam mencorak kerjaya mereka agar mereka dapat menjadi individu yang menggunakan sepenuhnya potensi mereka. Contohnya mewajibkan kaunseling kerjaya di sekolah-sekolah menengah. Bahkan ibu bapa dan kaunselor dapat menyedari bahawa terdapatnya pengaruh-pengaruh persekitaran yang membentuk dan mempengaruhi pemilihan kerjaya individu. Oleh itu, hasil kajian ini dapat membantu ibu bapa untuk lebih memahami dan berusaha untuk memberikan keperluan yang terbaik kepada anak-anak mereka.

Walau bagaimanapun, tidak ada satu bentuk gaya asuhan yang tetap yang harus diaplikasikan oleh ibu bapa. Ia bergantung kepada kebijaksanaan ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka mengikut pelbagai cara yang dirasakan terbaik oleh mereka. Namun demikian, ibu bapa secara asasnya perlu terlibat secara aktif memainkan peranan keibubapaan, sentiasa memberikan motivasi dan sokongan, serta sederhana dalam memberikan kawalan dan sekatan, dan yang paling penting ialah keikhlasan hati dalam mencerahkan kasih sayang kepada anak-anak. Ibu bapa juga perlu menambahkan pengetahuan keibubapaan dan kemahiran dengan mendapatkan maklumat melalui bahan bacaan mahupun seminar keibubapaan untuk meningkatkan kemahiran mendidik anak dengan lebih baik. Selain itu juga, ibu bapa seharusnya cakna dengan perkembangan anak-anak dalam tumbesaran mereka dengan menyediakan keperluan yang asas yang mencukupi kepada anak-anak kerana keperluan juga merupakan antara faktor yang mempengaruhi orientasi pekerjaan dan pemilihan kerjaya anak-anak. Bukan itu sahaja, ibu bapa juga harus menyediakan persekitaran yang terbaik sepanjang tumbesaran anak-anak agar mereka mendapat didikan yang terbaik daripada ibu bapa mereka.

Secara umumnya, gaya asuhan dan pemilihan kerjaya merupakan aspek yang penting dalam kehidupan setiap individu kerana ia yang menentukan masa depan seseorang; namun, hasil kajian ini mendapati tiada hubungan yang signifikan antara gaya asuhan dengan pemilihan kerjaya. Demi menjaga kepentingan modal insan negara, kajian seperti ini seharusnya dilakukan lagi pada masa hadapan dengan mengambil sampel pelajar universiti lain di Malaysia untuk mengesahkan dapatan kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Amla, S., Zuria, M., & Salleh, A. 2006. *Bimbingan dan kaunseling sekolah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asnul Dahir Minghat & Noor Zalilah Mansor. 2010. *Pemilihan bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik sebagai pembentukan awal kerjaya di sekolah menengah teknik Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Anne Roe. 1957. Early determinant of vocational choice. New York: John Wiley and Son.
- Anne Roe & Siegelman. 1964. *The origin of interest*. Washinton D.C: American Personal Guidance Association.
- Asnul Dahir Minghat, Kandar Selamat & Hartini Mohd Rejab. 2010. *Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar aliran vokasional untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari*. Kajian ilmiah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Ahmad Shazili Ayob. 2012. Pengujian model gaya keibubapaan baumrind ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7 (1):105-120.
- Cenkseven-Önder, F., Kirdök, O., & Işık, E. 2010. High school students career decision-making pattern across parenting styles and parental attachment levels. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology* :263-280.
- Faizah Abd Ghani & Mohd Kamil Mat Deris. 2010. *Trait personaliti di kalangan pelajar ijazah sarjana muda teknologi serta pendidikan (kemahiran hidup)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Faizah Abdul Ghani & Nina Raynelda Ahmad Kamil. 2011. *Tret personaliti dan faktor pemilihan kerjaya dalam bidang perguruan di kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Holland, J.L. 1973. Making vocational choices: a theory of career. 1st Edition. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Ismail Hashim. 2005. *Pengaruh faktor keibubapaan ke atas pemilihan kerjaya sekolah menengah di Daerah Batang Padang, Perak*. Kajian ilmiah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Nasir Ripin & Ana Farina Abdul Fatah. 2010. *Faktor pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun satu fakulti pendidikan, UTM Skudai*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Rizuan Abdullah. 2013. *Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tahap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah*. Kajian Ilmiah yang tidak diterbitkan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Noor Haidah Yaakob. 2000. *Pengaruh gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya anak.* Kajian ilmiah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Noraini Mohd Nor. 2001. *Hubungan pengaruh gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya pelajar.* Kajian ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Norani-Allain Norjahim. 2012. *Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pemilihan kerjaya pelajar tingkatan empat SMK Semerah Batu Pahat, Johor.* Kajian Ilmiah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Ologun, S. F. 2002. Parent-child relationship and vocational choice of fresh undergraduates of University of Ilorin: a test of Roe's hypothesis. *Ilorin Journal of Education.*
- Schludermann, E., & Schludermann, S. 1970. Replicability of factors in children's report of parent behavior (CRPBI). *The Journal of Psychology* 76(2): 239-249.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Perkembangan kerjaya: teori dan praktis.* Serdang: Penerbit UPM.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka bentuk penyelidikan: falsafah, teori dan praktis.* Serdang: Penerbit UPM.
- Super, D. E. 1990. "A life-span, life space approach to career development". In D.Brown and L. Brooks, *Career Choice and Development: Applying Contemporary Theories*, 2<sup>nd</sup> Edition, San Fransisco, CA: Jossey Bass.
- Super, D.E. 1957. *The psychology of career.* New York: Harper & Row Publisher.
- Yahaya Buntat & Khodijah Hassan. 2010. *Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun dua sarjana muda teknologi serta pendidikan.* Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Noor Izzaty Ibrahim,  
Muhamad Ariff Ibrahim  
Siti Fardaniah Abdul Aziz

Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan  
E-mail: [kiwistella27@gmail.com](mailto:kiwistella27@gmail.com)  
E-mail: [ariff.ibrahim87@gmail.com](mailto:ariff.ibrahim87@gmail.com)